

H-CORT CREAM

Hydrocortisone (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan H-Cort Cream
2. Bagaimana H-Cort Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan H-Cort Cream
4. Cara menggunakan H-Cort Cream
5. Semasa menggunakan H-Cort Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan H-Cort Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang H-Cort Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil H-Cort Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan H-Cort Cream

H-Cort Cream digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/inflamasi, misalnya ekzema, ekzema bayi, dermatitis atopik, dermatitis herpetiformis, dermatitis sentuh, neurodermatitis, psoriasis and intertrigo.

Bagaimana H-Cort Cream berfungsi

H-Cort Cream mengandungi ubat yang disebut hydrocortisone. Hydrocortisone ialah steroid yang mempunyai tindakan

antiinflamatori, antigatal dan penyempitan saluran darah.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan H-Cort Cream

- Bila tidak boleh mengguna

Jangan mengguna H-Cort Cream sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada hydrocortisone, kortikosteroid lain atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda menerapkan krim di bawah keadaan kedap udara, termasuk napkin bayi. Keadaan kedap udara menyebabkan bahan aktif diserap melalui kulit lebih mudah. Akibatnya, mungkin secara tidak sengaja akan menggunakan terlalu banyak krim.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan. Ia tidak boleh digunakan secara meluas ke atas wanita hamil dalam jumlah yang besar atau untuk tempoh yang berpanjangan masa. Perhatian perlu diambil apabila digunakan untuk ibu-ibu menyusu.

H-Cort Cream mengandungi chlorocresol yang boleh menyebabkan reaksi alergi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang

anda gunakan, termasuk ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi dan tanpa preskripsi, vitamin, suplemen herba, dan kosmetik. Tiada interaksi ubat dengan H-Cort Cream telah dilaporkan.

Cara menggunakan H-Cort Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan nipis pada bahagian kulit yang terjejas sekali hingga empat kali sehari sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Balutan oklusif mungkin digunakan bagi menguruskan psoriasis atau keadaan yang susah dirawat.

Anda harus periksa dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Bila perlu digunakan

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Bergantung kepada keseriusan keadaan. Rujuk kepada doktor anda sekiranya gejala-gejala anda tidak bertambah baik selepas rawatan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya dan gunakannya seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengguna terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan H-Cort Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil H-Cort Cream.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.
- Jangan gunakan untuk mata.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku perengsaan, kepekaan atau tindak balas lain. Kortokosteroid yang di sapu pada kulit boleh diserap dengan secukupnya untuk menghasilkan kesan sistemik seperti penindasan aktiviti hipotalamus-pituitari-adrenal, manifestasi daripada sindrom *Cushing* (lebih paras hormon kortisol), paras gula dalam darah tinggi dan lebihan gula dalam air kencing. Dengan itu langkah berwaspada yang sesuai perlu diambil semasa menjalani rawatan yang perpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan secara menyeluruh, apabila menggunakan teknik oklusif dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan jumlah luas permukaan per berat badan yang besar).

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, H-Cort Cream boleh mendatangkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Tindak balas advers tempatan yang dilaporkan ialah rasa pedih, rasa gatal-gatal, perengsaan, kekeringan, jangkitan pada folikel rambut, pertumbuhan rambut seluruh badan secara abnormal, penyakit kulit yang menyerupai jerawat, kehilangan warna kulit, pelembutan

dan kerosakan kulit, jangkitan sekunder, kulit menjadi nipis, kesan regangan dan ruam peluh.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

Cara penyimpanan dan pelupusan H-Cort Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan dingin serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna H-Cort Cream

H-Cort Cream adalah krim berwarna putih.

H-Cort Cream boleh didapati dalam tiub yang bersaiz 5g, 15g, 30g, 50g, dan 100g. Tidak semua saiz paket dipasarkan.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Hydrocortisone 1% w/w.

Bahan-bahan tidak aktif:
Chlorocresol, Macrogol Cetostearyl Ether [Cetomacrogol 1000], Propylene Glycol, Liquid Paraffin,

White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol dan air suling.

- Nombor MAL:MAL19870471AZ

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/06/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)190617/00136